

27/02/2003

Dr Mahathir pengerusikan mesyuarat tidak rasmi OIC

KUALA LUMPUR: Seramai 20 ketua negara/kerajaan, 14 timbalan perdana menteri dan menteri luar serta 15 pegawai kanan kerajaan dari 48 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menghadiri mesyuarat tidak rasmi di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi NAM ke-13 dan turut dihadiri Setiausaha Agung OIC, Abdelouahed Belkeziz.

Antara ketua negara/kerajaan yang hadir ialah Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Raja Maghribi, Raja Mohammed IV; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri; Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami; Presiden Pakistan, Pervez Musharraf; Presiden Yemen, Ali Abdullah Salleh; Presiden Mali, Amadou Toumani Toure; Presiden Djibouti, Ismail Omar Geulleh.

Presiden Somalia, Abdiqassim Salad Hassan; Presiden Gabon, Ed Hadj Omar Bongo; Presiden Algeria, Abdelaziz Bouteflika; Naib Presiden Syria, Abdul Halim Khaddam; Naib Presiden Afghanistan, Hidayat Amin Arsalah; Naib Presiden Emiriyah Arab Bersatu, Sheikh Hamad Mohammed Al-Sharqi; Naib Presiden Sudan, Ali Othman Mohamed Taha; Perdana Menteri Bangladesh, Begum Khaleda Zia; Perdana Menteri Lebanon, Rafic Hariri; Perdana Menteri Guinea, Lamine Sidime; Perdana Menteri Qatar, Sheikh Abdullah Khalifa Al-Thani.

Oman menghantar wakil Sultan Oman, Sayyid Asaad Tareq Al-Said, manakala Timbalan Perdana Menteri Ketiga yang juga Menteri Luar Uganda, James Wapakabulo mewakili negaranya.

Turut hadir ialah Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi; Menteri Luar Togo, Roland Y Kpotsra; Menteri Luar Mesir, Fayza Aboul Naga dan Menteri Luar Arab Saudi, Dr Madani Ibn Abdulghader Alaqi.

Negara lain yang menghantar wakil pada mesyuarat itu ialah Libya, Tunisia, Mauritania, Guyana, Sierra Leone, Mozambique, Comoros, Maldives, Bahrain, Kazakhstan, Burkina Faso, Gambia, Surinam, Nigeria, Cote D'Ivoire, Jordan, Benin, Kuwait dan Chad.